

PEMBINGKAIAN BERITA PERSEMPADANAN CAMAR BULAN DAN TANJUNG DATU, KALIMANTAN BARAT

by Ruslan Ramli

Submission date: 10-Jan-2022 03:21PM (UTC+0700)

Submission ID: 1739472042

File name: PERSEMPADANAN_CAMAR_BULAN_DAN_TANJUNG_DATU_KALIMANTAN_BARAT.pdf (563.67K)

Word count: 10123

Character count: 66332

PEMBINGKAIAN BERITA PERSEMPADANAN CAMAR BULAN DAN TANJUNG DATU, KALIMANTAN BARAT

RUSLAN RAMLI, CHANG PENG KEE & SHAHRUL NAZMI SANNUSI
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Penyelidikan ini mengungkapkan berita atas talian dalam Kompas.com dan Utusan Online mengenai kecondongan berita, bentuk pembingkai berita, dan faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan bingkai berita isu sempadan daerah Camar Bulan dan Tanjung Datu. Analisis kandungan kualitatif berpandukan model Entman (1993) bingkai empat fungsi iaitu pendefinisan masalah, penyebab masalah, penilaian moral, dan penyelesaian masalah serta temu bual mendalam telah digunakan untuk mencapai tujuan kajian ini. Pada aspek analisis kandungan diperolehi dapatan yang berbeza iaitu Kompas.com bersifat dinamik, kontemporari, dan lebih kepada konsep kewartawanan perang berbanding kewartawanan damai dan neutral, manakala Utusan Online bersifat normatif, tradisional, dan berkonsep kewartawanan damai dan neutral berbanding perang. Pada proses pembingkai, Kompas.com dan Utusan Online bersandarkan kepada nasionalisme sebagai elemen terpenting dalam membina bingkai berita persempadanan. Manakala faktor-faktor pengaruh, pembingkai berita persempadanan oleh Kompas.com dan Utusan Online dipengaruhi oleh faktor dalaman yang merangkumi nilai berita, nasionalisme, pengamalan kewartawanan bermakna, penentuan agenda media, kawalan media kepada pemerintah, kepemilikan media, falsafah dan asas media, reaksi balik terhadap media luar, dan kefahaman individual wartawan. Faktor luaran merangkumi minat pembaca, sistem media, norma dan kaedah kewartawanan, sejarah Indonesia-Malaysia, komersialisasi, propaganda dan kumpulan berkepentingan, sentimen anti-

Malaysia, agensi berita asing, kepentingan rakyat dan negara, dan politik dalaman negara. Sumbangan kajian ini ada pada kewujudan aspek nasionalisme sebagai elemen penting dalam melaporkan berita yang membabitkan negara. Dari segi penilaian moral, nasionalisme antara tumpuan yang paling dominan dalam kandungan berita. Pada faktor pengaruh, aspek nasionalisme juga berperanan penting ke atas penyusunan sesebuah berita. Oleh itu, kajian ini memberi implikasi bahawa nasionalisme sememangnya sukar dielakkan dalam membina berita persempadanan antara Indonesia dan Malaysia. Meskipun kaedah etika kewartawanan berteraskan objektiviti, namun subjektiviti wartawan tetap wujud dalam menyusun berita-berita yang melibatkan negara. Subjektiviti itu terbentuk dalam semangat nasionalisme.

Kata kunci: *Berita persempadanan, isu berita, pembersihan, nasionalisme, sengketa*

THE FRAMING OF NEWS ON THE BORDER OF CAMAR BULAN AND TANJUNG DATU, WEST KALIMANTAN

Abstract

This study attempted to look at the on line news in Kompas.com and Utusan Online on news slant, news framing, and the factors that influence the framing process on the border issue between Camar Bulan and Tanjung Datu. Qualitative content analysis and indepth interview were used to achieve the purpose of this research. The four framing functions based on the model forwarded by Entman (1993), namely, problem definition, causal interpretation, moral evaluation, and treatment recommendation were discretely carefully analysed. Research results from Kompas.com revealed news that are dynamic, contemporary edging towards war journalism as opposed to peace and neutral while Utusan Online has the attributes of normative, traditional and neutral as opposed to war. In the framing process Kompas.com and Utusan Online stand on nationalism as the most vital element in constructing news framing on border. The framing factor on the news on border as reported by Kompas.com and Utusan Online is influenced by internal factors which include news value, nationalism, meaningful reporting practice, media agenda setting,

media control, media ownership the philosophy and basic media, the reaction towards foreign media and the reporter's individual understanding. External factors include reading interest, media system, the norms and journalism method, the history of Indonesia-Malaysia, commercialization, propaganda and interest group, anti-Malaysia sentiments, foreign news agency, and interest of the people and nation and internal politics. This research contributes to the existence of nationalism as a vital element in news reporting that involves the nation. Nationalism becomes the main element in both moral evaluation and influence factor. It is concluded here that nationalism plays a crucial role in the news reporting about the shared borders of Indonesia and Malaysia. Although journalism ethics advocates objectivity, reporter's subjectivity is still involved in news that involves a nation. Subjectivity comes in the form of nationalism.

Keyword: *Border news, news issue, framing, nasionalism, conflict*

1

PENGENALAN

Masalah persempadanan antarabangsa ialah persoalan serius yang banyak dialami pelbagai negara. Sampai ke hari ini negara-negara yang masih bersengketa sempadan ialah China dan Korea Selatan, Jepun dan Korea Selatan, Palestin dan Israel. Di Asia Tenggara, sengketa wilayah melibatkan Malaysia dan Singapura, Malaysia dan Thailand mahupun Indonesia dan Malaysia. Kes yang paling serius berlaku antara Korea Selatan dan Korea Utara. Kes persempadanan juga telah membuat hubungan Indonesia dan Malaysia menjadi tegang. Kebanyakan kes persempadanan yang dipersoalkan terletak di Kalimantan, Selat Melaka, dan Laut Sulawesi. Amri dan Adnan (2012) mengatakan isu sempadan merupakan tiga perbalahan utama Indonesia dan Malaysia selain isu sosial dan isu seni budaya.

Banyak berita sengketa persempadanan telah disiarkan oleh media. Akhbar, televisyen, mahupun media lain menyajikan berita kerana ia mempunyai peristiwa yang mengandungi nilai berita (Galtung & Ruge; 1965, Keeble; 2005). Krishna dan David (2001) mengatakan media menentukan apa yang menjadi berita. *Kompas.com* dan *Utusan Online* ialah media atas talian yang mengambil berat kes Camar Bulan dan Tanjung Datu. Pada 2011, *Kompas.com* dan *Utusan Online* kerap menyajikan isu pencerobohan wilayah di persempadanan. Beritanya disusun dengan kandungan yang sama atau berbeza dari segi corak, fikiran, mahupun pandangan. Perbezaan dan persamaan itu dicetuskan bukan tanpa alasan, tetapi dipercayai berkaitan pembingkaiian media. Media telah memainkan peranan penting dalam mencorakkan peristiwa yang berlaku di lapangan. Gamson & Modigliani (1989) mengatakan pembingkaiian

berkenaan dengan struktur dalaman pakej sebagai pusat pengorganisasian ide yang memberi makna dan status terhadap isu dan peristiwa.

LATAR BELAKANG

Setakat ini ramai sarjana mengkaji isu-isu konflik persempadanan antara negara. Pada amnya dapatan kajian mereka mengandungi maklumat tentang kehidupan sosial, ekonomi, budaya, dan aktiviti rutin warga persempadanan. Kajian mereka berkaitan juga dengan kurangnya pemerhatian pemerintah dalam mengurus keperluan hidup warga tempatan. Amri dan Hamed (2014) mengkaji konflik Ambalat yang menyebabkan hubungan Indonesia dan Malaysia menjadi tegang. Berita-berita kes Ambalat yang disiarkan oleh *Metro TV* dan *TV One* itu dikaji memakai analisis pbingkai. Pada kajian ini Malaysia diposisikan sebagai “adik lelaki” daripada Indonesia. Dapatan kajiannya ialah sama ada *Metro TV* dan *TV One* mbingkai negatif Malaysia melalui berita-berita yang disiarkan oleh kedua-dua televisyen tersebut.

Adri (2011) mengkaji kes jenayah, khususnya aktiviti penebangan pohon secara haram oleh penduduk tempatan di persempadanan Sarawak-Kalimantan Barat. Warga etnis Iban ini dimanfaatkan oleh pihak-pihak tertentu dalam menjalankan penebangan pohon secara tidak rasmi. Kajian ini mendapati bahawa kehadiran pemerintah di kawasan persempadanan Kalimantan masih sangat lemah. Warga tempatan hidup miskin. Mereka tidak memperoleh perkhidmatan seperti pendidikan, infrastruktur jalan dan jambatan, pekerjaan, mahupun keperluan hidup lainnya. Justeru kehidupan mereka lebih diperhatikan oleh pihak Malaysia. Mereka diberi kerja oleh para cukong kayu untuk menebang pohon secara haram di hutan.

Aris Munandar (2011) mengkaji tentang identifikasi etnik dan nasionalisme pada warga tempatan Indonesia dan Malaysia di Kalimantan. Sehingga kini masalah persempadanan belum dikelola secara baik oleh pemerintah. Hal ini dibuktikan dengan kehidupan warga tempatan yang masih miskin di persempadanan. Kajiannya mendapati bahawa persoalan pokok daripada keterlambatan pembangunan di wilayah persempadanan ialah polisi pembangunan yang tidak berpihak kepada kawasan persempadanan. Ia bukan prioriti utama negara kerana ia hanya dianggap sebagai halaman belakang suatu negara.

Dalam pada itu, ramai sarjana yang mengkaji persempadanan antar negara dengan menggunakan kajian pbingkai. Pada amnya dapatan kajian adalah berbeza-beza. Perkara ini dapat dilihat pada kajian Gustia (2009) yang membahas berita konflik Palestin-Israel oleh majalah *Tempo* dan *Sabili*. Dapatan kajiannya ialah kedua-dua majalah itu menjalankan pembinaan bingkai berita secara berbeza berdasarkan kepada kepentingan, keberpihakan, dan nilai berita yang dikembangkan oleh media tersebut. *Sabili* mbingkai konflik ini sebagai persoalan agama, manakala *Tempo* mbingkainya secara neutral atau tidak berpihak kepada pihak tertentu.

Penyelidikan konflik persempadanan Indonesia dan Malaysia dijalankan

1

oleh Sitompul (2010). Kajiannya membincangkan berita-berita tentang status kepemilikan pulau-pulau terluar di Selat Melaka pada akhbar-akhbar tempatan di Sumatera Utara. Dapatan kajiannya menunjukkan bahawa media memiliki pengaruh besar terhadap isu-isu persempadanan. Akhbar-akhbar tempatan tersebut membantah tindakan pemerintah Malaysia yang mengakui pulau-pulau terluar itu sebagai miliknya. Baginya, pulau-pulau tersebut masih bahagian daripada Indonesia.

Kajian persempadanan Indonesia dan Malaysia juga dijalankan oleh Saru Arifin (2009). Kajian ini menawarkan konsep *uti possidetis* sebagai prinsip universal dalam hukum antarbangsa dalam menentukan wilayah negara baru. Melalui asas ini, penentuan aras penanda sempadan Indonesia dan Malaysia di daratan boleh diketahui. Asas ini digunakan untuk mencegah berlakunya konflik antara negara. Kajian ini menjelaskan bahawa pembentukan garis persempadanan darat Indonesia dan Malaysia di Kalimantan berasaskan hasil ciptaan penjajah. Para penjajah membagi garis persempadanan menjadi dua bahagian iaitu garis persempadanan darat dan laut.

Isu persempadanan sebenar-benarnya tidak lepas dari pengaruh media. Propaganda yang diamalkan media melalui beritanya merupakan agenda media. Lucian dan Szabo (2014) mengatakan segala persoalan boleh dipropagandakan melalui media. Perkara ini nampak ketika kes Camar Bulan dan Tanjung Datu meletup di media Indonesia dan Malaysia. Pada Oktober 2011, akhbar, televisyen, mahupun media talian secara ramai menyajikan isu Camar Bulan dan Tanjung Datu. Khalayak disesaki maklumat dengan pelbagai sudut pandang. Sesuai prinsip nilai berita, kes tersebut dianggap berita layak siar. Galtung dan Ruge (1965) menyatakan nilai berita boleh meliputi pelbagai kriteria seperti bilangan penerbitan, salah tafsir, bermakna, bertalian dengan hal-hal negatif, membabitkan elit kerajaan dan negara, dan ini akan menjadikan isu berterusan. Unsur-unsur nilai berita tersebut terkandung dalam kes Camar Bulan dan Tanjung Datu sehingga ia layak disiarkan. Selain akhbar dan televisyen, media talian antara media yang turut menyiarkan berita. Kehadiran media talian melengkapi maklumat tentang kes Camar Bulan dan Tanjung Datu yang disiarkan oleh media lainnya. Meskipun unggul dari segi kecepatan berita, media talian bukanlah media paling ideal bagi khalayak. Ido (2009) mengatakan media talian ialah medium baru yang tidak meniadakan medium lama. Justeru kedua-duanya saling melengkapi, saling mempengaruhi, saling memperkaya inovasi dan kreatifiti. Oleh itu, setiap peristiwa yang disajikan sebagai berita harus dibuat lebih bermakna, berkorelasi, dan interaktif.

Kompas.com dan *Utusan Online* ialah media atas talian yang mengambil berat tentang sengketa persempadanan di kedua-dua wilayah ini. Media atas talian ini saling “menyerang” dan mengakui kepemilikan sah Camar Bulan dan Tanjung Datu. *Kompas.com* memetik kenyataan ahli parlimen dari Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan bahawa Indonesia kehilangan wilayah seluas 1400 hektare di Camar Bulan dan 800 meter persegi di garis pantai Tanjung Datu. *Utusan*

Online membantah kenyataan ahli parlimen tentang pencerobohan wilayah tersebut. Tajuk mahupun kandungan berita dari media atas talian sering cuba menyalahkan satu sama lain. *Kompas.com* dan *Utusan Online* menyusun berita dari perspektif berbeza. Dipercayai bahawa pengamal media kedua-dua media talian seperti dibawa arus emosi. Pilihan kata, kalimat, mahupun gambar mereka condong subjektif dalam menyusun berita. Rasa nasionalisme lebih dominan dalam diri wartawan dan organisasi media dalam memandang isu dan peristiwa yang berlaku. Kedua-duanya bagaikan “berperang” untuk menyampaikan maklumat kepada khalayak. Sedangkan media sepatutnya bekerja secara profesional dan berteraskan pada objektiviti. Media wajib berpegangan kepada kaedah etika kewartawanan. Reese (1990) mengatakan objektiviti berpegang pada fakta dan terpisahkan dari nilai atau fikiran. Wartawan harus bersikap neutral kepada khalayak. Westerthal yang dipetik dalam McQuail (1994) mengatakan berita secara objektif terdiri atas faktualiti dan impartialiti. Faktualiti meliputi kebenaran dan relevansi, manakala impartialiti mengenai keseimbangan dan neutraliti. Faridah Ibrahim (2014) mengatakan media sepatutnya membina konsep kewartawanan damai, bukan kewartawanan perang.

Apa yang berlaku pada *Kompas.com* mahupun *Utusan Online* ke atas berita Camar Bulan dan Tanjung Datu merupakan proses pembinaan bingkai berita. Berita apapun yang terbit di media talian itu tidak dilaporkan sesuka hati oleh wartawan tetapi melalui pbingkai. Editor tidak berhenti kepada pemilihan dan penentuan berita tetapi turut membina isu dan peristiwanya.

PERMASALAHAN KAJIAN

Sememangnya para sarjana sudah memberi pemerhatian ke atas isu-isu persempadanan melalui penyelidikan model pbingkai. Dapatan kajiannya pada amnya menunjukkan hasil bahawa setiap media memiliki corak berita yang berbeza. Media mengemas isu persempadanan mengikut agenda dan kepentingan. Pengkaji turut mendapati bahawa perbezaan yang berlaku pada setiap bingkai isu spesifik dan imej suatu peristiwa dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Safar (1996) mengatakan setiap negara memiliki sistem media sendiri-sendiri. Manakala politik pula memainkan peranan penting dalam pembentukan sistem media. Vreese (2005) menyatakan faktor dalaman media berpengaruh ke atas pembuatan berita. Kemudian faktor pengaruh lainnya ialah kumpulan berkepentingan, pemilik, dan isu perkauman agama (Jeniri Amir, 2007), sponsor, pendapat awam, sistem sosial politik, dan peristiwa sangat penting (Chew, 2012), berkaitan dengan sejarah negara berkenan, bentuk penduduk, dasar kerajaan, ideologi, nilai, dan norma (Lai et al; 2007).

Masalah persempadanan bukan hanya berlaku di bahagian dunia Asia Tenggara sahaja, namun ia berlaku di berbagai-bagai bahagian ceruk dunia dimana penduduk dan pemerintah berasa tidak puas hati dengan isu persempadanan. Banyak negara yang dilihat sering bergejolak dan perang berlarutan. Di Timur Tengah, Palestin dan Israel sering berkonflik. Di Asia Timur, Jepun dan China

1

mahupun Korea Selatan dan Korea Utara terus bersengketa. Di Asia Tenggara, ahli-ahlinya juga terbabit sengketa seperti Indonesia dan Malaysia yang pernah berselisih tentang Blok Ambalat, Pulau Sipadan-Ligitan, mahupun Pulau Sebatik. Berikutnya Malaysia bersengketa dengan Filipina soal Lahad Datu. Malaysia dan Thailand juga bergolak di persempadanan Wong Kelian. Malaysia dan Singapura pernah membawa kes Batu Putih ke Mahkamah Antarabangsa. Di benua Amerika, Amerika Syarikat bergaduh dengan Mexico. Di Asia, India bersengketa dengan China. Oleh itu, justeru isu persempadanan telah melibatkan banyak negara. Negara-negara tersebut bersengketa disebabkan oleh pelbagai isu seperti isu kepemilikan pulau, minyak, hasil laut, mahupun kedudukan strategik.

Mahpuddin (2009) mengatakan dalam perkembangan media terbaru, ada dua kepentingan utama yang berpengaruh iaitu kepentingan ekonomi dan kekuasaan. Kedua-dua kepentingan itu memiliki kemampuan dalam membentuk kandungan berita. Maklumat apa yang mesti dilaporkan kepada khalayak sekali makna di sebalik berita ditentukan oleh kepentingan ekonomi dan kekuasaan. Media yang semula hadir sebagai ruang bagi publik berganti menjadi ruang bagi pemilik dan penguasa. Selain itu, media juga sangat berkaitan dengan ideologi. Ideologi ini yang berpengaruh ke atas penggunaan bahasa, stail tulisan, kosa kata mahupun tanda. Zakiah (2012) mengatakan media yang lebih ideologis bersifat membela kumpulan sealiran dan menyerang kumpulan yang berbeza aliran. Wujud lain dari faktor ekonomi iaitu pengiklan dan khalayak. Semakin menarik berita politik, semakin banyak pula jumlah khalayak dan pengiklan.

Soal bangsa dan negara, nasionalisme boleh pula turut serta sebagai faktor penting. Demertzis et al (1999) mengatakan prasangka nasionalis turut mempengaruhi cara wartawan dan organisasi media dalam menyeleksi dan menyajikan berita. Ismail et al (2006) mengatakan penentangan terhadap kuasa asing merupakan teras bagi nasionalisme. Nasionalisme berkaitan dengan semangat anti asing dan etnosentrisme. Secara subjektif nasionalisme mahupun pihak berkuasa akan mempertahankan bangsanya dari pencerobohan bangsa lain. *Kompas.com* mahupun *Utusan Online* secara wujud memiliki persamaan dan perbezaan dalam menyajikan berita persempadanan di Camar Bulan dan Tanjung Datu. Perbezaan dan persamaan itu boleh diperolehi dari pelbagai segi seperti definisi masalah, punca masalah, penilaian moral, mahupun penyelesaian masalah. Adanya perbezaan dan persamaan dalam berita mencetuskan pertanyaan-pertanyaan. Mengapa hal itu berlaku, mengapa realiti yang sama memunculkan berita yang berbeza. Adanya persamaan dan perbezaan itu dipercayai berkaitan dengan bingkai media.

Analisis pembingkajian sesuai untuk digunakan dalam kajian ini bagi melihat konteks kes persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu. Eriyanto (2002) mengatakan analisis pembingkajian dapat dipakai untuk melihat siapa mengendalikan siapa dalam suatu struktur kekuasaan, pihak mana yang mendapati keuntungan dan pihak mana pula yang memperoleh kerugian. Apakah faktor nasionalisme yang membuat berita tersebut berbeza? Demertzis et al (1999)

mengatakan masa kini hubungan media dan identiti nasional dipengaruhi secara material dan konseptual oleh konfigurasi dunia luar, perubahan cepat, politik, ekonomi, dan budaya. Adakah nasionalisme turut berpengaruh dalam pembinaan bingkai berita persempadanan? Ada banyak penyebab yang dipercayai boleh mempengaruhi adanya persamaan dan perbezaan *Kompas.com* dan *Utusan Online* dalam menyiarkan berita persempadanan di Camar Bulan dan Tanjung Datu.

Entman (1993) mengatakan pbingkaian adalah proses pilihan, menerima realiti, kemudian membuatnya lebih menonjol. Terdapat empat elemen pbingkaian iaitu mendefinisikan masalah, mencari penyebab masalah, mengamalkan penilaian moral, dan cadangan penyelesaian masalah. Edelman (1993) menyatakan bahawa pbingkaian berkaitan dengan kategorisasi. Manakala Pan dan Kosicki (1993) mengatakan analisis pbingkaian ialah cara bercerita yang tersusun rapi dan menghadirkan konstruksi makna realiti. Bagi tujuan kajian ini, penyelidik akan menggunakan teori pbingkaian model Entman (1993) dengan melihat berita persempadanan yang dilaporkan oleh *Kompas.com* dan *Utusan Online*. Justeru kajian akan menyelidiki berita persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu dalam *Kompas.com* dan *Utusan Online*.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti bentuk pembinaan bingkai berita persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu dalam *Kompas.com*.
2. Mengenal pasti bentuk pembinaan bingkai berita persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu dalam *Utusan Online*.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan analisis pbingkaian model Entman (1993) yang mengandungi empat elemen iaitu pendefinisian masalah, penyebab masalah, penilaian moral, dan cadangan penyelesaian masalah. Berkenaan konsep pendefinisian masalah, Entman menekankan kepada apa-apa yang dijalankan ejen kausal dengan segala keuntungan dan kerugiannya dan biasanya diukur dalam nilai budaya yang umum. Konsep pendefinisian yang dimaksud adalah pendefinisian masalah persempadanan Indonesia dan Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu. Manakala konsep pentafsiran penyebab masalah, penumpuannya kepada upaya mengenal pasti punca masalah suatu peristiwa. Dalam kajian ini, konsep pentafsiran masalah yang dikehendaki ialah punca masalah persempadanan Indonesia dan Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu.

Lebih lanjut tentang konsep penilaian moral, kajian ini menumpukan kepada evaluasi ke atas punca masalah dan kesan yang ditimbulkan. Konsep penilaian moral yang dimaksud iaitu wujud maklumat tentang penilaian moral sebagai hujah

1

dalam menilai unsur-unsur punca masalah dan kesan yang ditimbulkan ekoran masalah dalam pembingkaiian kandungan berita persempadanan Indonesia dan Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu. Pada aspek penyelesaian masalah, kajian ini menekankan kepada tawaran dan justifikasi penyelesaian masalah dengan menentukan kemungkinan kesan-kesan yang ditimbulkan. Khusus kajian ini, penyelesaian masalah yang dimaksud adalah konsep penyelesaian berita persempadanan Indonesia dan Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu dengan merujuk kepada berbagai-bagai maklumat penting. Setelah semua data dimasukkan ke dalam elemen pembingkaiian model Entman (1993), langkah berikutnya ialah mengolah data tersebut untuk diinterpretasi dan dianalisis.

Pada mulanya, pengkaji mengumpulkan berita-berita tentang Camar Bulan dan Tanjung Datu yang disiarkan oleh *Kompas.com* dan *Utusan Online* pada edisi Oktober 2011 sehingga Jun 2015 selama hampir lima tahun. Seramai 148 berita yang terkumpul sebagai unit analisis. Seramai 108 berita disiarkan *Kompas.com* yang masing-masing terdiri atas 72 berita (2011), 5 berita (2012), 4 berita (2013), 23 berita (2014), dan 4 berita (2015). Manakala *Utusan Online* menyiarkan 40 berita yang terdiri atas 27 berita (2011), 1 berita (2012), 1 berita (2013), 6 berita (2014), dan 5 berita (2015).

HASIL KAJIAN

Pemaparan latar belakang bahan kajian merangkumi 148 berita tentang Camar Bulan dan Tanjung Datu. Pemaparan mengenai pembinaan bingkai berita persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu dihuraikan. Justeru pada bahagian ini penyelidik akan menjawab objektif kajian tentang mengenal pasti bentuk pembinaan bingkai berita persempadanan Camar Bulan dan Tanjung Datu dalam *Kompas.com*.

PEMBINGKAIIAN BERITA PERSEMPADANAN DI KOMPAS.COM

i) Pendefinisian masalah

Jadual 1

No	Definisi Masalah	F	%
1	Pencerobohan wilayah	34	45
2	Pergeseran/pengalihan aras	41	55
Jumlah		75	100

Mengikut Jadual 1, pengkaji mendapati secara keseluruhan trend kekerapan pembingkaiian pada pendefinisian masalah melihat dua isu utama iaitu penggeseran aras penanda sempadan dan isu pencerobohan wilayah. Di antara kedua-duanya, isu penggeseran aras penanda sempadan memiliki frekuensi penerbitan berita yang lebih tinggi berbanding pencerobohan wilayah. Isu

1
penggeseran aras penanda sempadan mencapai 55% (41 berita), manakala isu pencerobohan wilayah hanya 44% (34 berita).

ii) Pentafsiran penyebab masalah

Jadual 2

No	Penyebab Masalah	F	%
1	Pengalaman lepasnya Pulau Sipadan dan Ligitan	23	12.8
2	Perbezaan data perjanjian yang dipakai	38	21.2
3	Ketidakadilan dan kelalaian pemerintah Indonesia di persempadanan	31	17.3
4	Persoalan dalaman negara dan politik semasa	17	9.5
5	Propaganda media atau pihak ketiga	10	5.6
6	Pembinaan mercusuar	14	7.8
7	Kecerdikan strategi Malaysia mengurus kawasan persempadanan	23	12.8
8	Sejarah hubungan Indonesia-Malaysia	5	2.8
9	Kes sosial, budaya, dan TKI	4	2.2
10	Diplomasi Indonesia yang lemah	14	7.8
	Jumlah	179	100

Merujuk Jadual 2, pengkaji mendapati adanya sepuluh faktor pentafsiran penyebab masalah pada kes persempadanan. Faktor yang paling menonjol iaitu perbezaan data yang dipakai serta ketidakadilan dan kelalaian pemerintah Indonesia di persempadanan. Perbezaan data yang dipakai mencapai 21.3% (38 berita) serta ketidakadilan dan kelalaian pemerintah Indonesia di persempadanan hanya 17.4% (31 berita). Manakala yang paling rendah ialah kes sosial, budaya, TKI dengan 2.2% (berita).

iii) Penilaian moral

Jadual 3

No	Penilaian moral	F	%
1	Menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia	7	7.9
2	Nasionalisme	34	38.6
3	Penjagaan dan pengamanan oleh tentera di persempadanan	17	19.3
4	Perhatian pemerintah terhadap persempadanan	23	26.1
5	Verifikasi, notifikasi, dan ratifikasi	7	7.9
	Jumlah	88	100

1

Jadual 3 menunjukkan bahawa trend penilaian moral yang paling menonjol ialah faktor nasionalisme dengan pencapaian 38.6% (34 berita) disusul perhatian pemerintah terhadap persempadanan dengan 26.1% (23 berita). Manakala paling rendah ialah verifikasi, notifikasi, dan ratifikasi yang hanya 7.9% (7 berita).

iv. Penyelesaian masalah

Jadual 4

No	Penyelesaian Masalah	F	%
1	Perundingan	24	69
2	Menguatkuasakan undang-undang dan konvensyen penubuhan bersama bangsa-bangsa	7	20
3	Survei dan pengukuran ulang	4	11
Jumlah		35	100

Mengikut Jadual 4, penyelesaian masalah melalui perundingan ialah yang paling tinggi. Daripada 35 berita yang tersaji, yang paling dominan ialah perundingan dengan 69% (24 berita) berbanding menguatkuasakan undang-undang dan konvensyen penubuhan bersama bangsa-bangsa yang hanya 20% (7 berita) serta survei dan pengukuran seramai 11% (4 berita).

ULASAN HASIL PEMBINGKAIAN BERITA PERSEMPADANAN DI *KOMPAS.COM*

Perbincangan pada bahagian ini melibatkan analisis pembingkaiian bagi menjawab objektif kajian yang telah dikemukakan iaitu mengetahui bentuk pembingkaiian persempadanan dalam *Kompas.com*. Pengkaji mengguna pakai model Entman yang berteraskan kepada empat kategori pembingkaiian iaitu i) pendefinisian masalah, ii) pentafsiran penyebab masalah, iii) penilaian moral, iv) penyelesaian masalah.

i) Pendefinisian Masalah

Pada bahagian ini, tumpuan pendefinisian masalah terdiri atas dua isu iaitu pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan. Pada isu pencerobohan wilayah, pengkaji mendapati *Kompas.com* melihat lahan Indonesia yang berkurang di Camar Bulan dan Tanjung Datu sebagai bahagian daripada masalah utama dalam isu pencerobohan wilayah. Antara isu-isu yang dibangkitkan *Kompas.com* iaitu perkara hilangnya sebahagian kecil wilayah Indonesia di kedua-dua daerah itu. Masalah ini dapat dilihat seperti dalam contoh petikan berita berikut:

... "Anggota Komisi I Dewan Perwakilan Rakyat (DPR) akan meninjau lokasi yang disebut dicaplok oleh Malaysia, yakni

Camar Bulan dan Tanjung Datu di Kalimantan Barat”... (Kompas.com 11 Oktober 2011)

Kedua ialah isu mengenai adanya penggeseran aras penanda sempadan. Pengkaji menemukan bahawa *Kompas.com* memandang isu aras sempadan yang rosak mahupun wilayah Indonesia yang hilang sebagai bahagian daripada masalah serius dalam isu penggeseran aras penanda sempadan. Isu-isu yang dibangkitkan *Kompas.com* antara lain perkara kondisi aras yang rosak. Perkara demikian terungkap melalui contoh petikan berita berikut:

...”Pekan ini, DPR menilai telah terjadi pergeseran aras-aras di perbatasan Indonesia-Malaysia, di Kecamatan Camar Bulan dan Tanjung Datu, Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat. Sejauh ini, belum terlihat tindakan atau protes dari pemerintah”... (Kompas.com, 10 Oktober 2011)

ii) Pentafsiran Penyebab Masalah

Pada bahagian ini, fokus perbahasan analisis kajian mendedahkan sepuluh faktor penting sebagai penyebab masalah iaitu pengalaman lepasnya Pulau Sipadan-Ligitan, perbezaan data yang dipakai, ketidakadilan dan kelalaian pemerintah ke atas persempadanan, persoalan dalaman negara dan politik semasa, propaganda media, pembinaan rambu suar, kecerdikan strategi Malaysia, sejarah hubungan Indonesia-Malaysia, kes sosial, budaya, TKI, serta diplomasi Indonesia yang lemah. Pertama, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa *Kompas.com* membingkai isu lepasnya Pulau Sipadan-Ligitan antara punca masalah di persempadanan. Kekalahan Indonesia ke atas Malaysia pada sidang Mahkamah Antarabangsa ketika memperebutkan Pulau Sipadan-Ligitan membuat pemerintah Indonesia menjadi lebih berhati-hati dalam menyelesaikan sengketa persempadanan dengan Malaysia. Hal ini tergambarkan daripada contoh petikan berita berikut:

...”Kisah lepasnya Ligitan dan Sipadan tampaknya akan terulang lagi. Kali ini sengketa klasik perbatasan dengan Malaysia tentang daerah wilayah Tanjung Datu dan Camar Bulan memanas lagi. Cerita tersebut pasti akan membuat darah bangsa ini memanas ketika daerah status quo itu sudah dikangkangi Malaysia. Kali ini kembali seperti sebelumnya, Indonesia mengalah dan diam saja”... (Kompas.com, 10 Oktober 2011)

Kedua berkaitan dengan perbezaan data lapangan yang dipakai oleh parlimen bersama pemerintah dan tentera. Dapatan hasil pembedaan *Kompas.com* menumpukan isu perbezaan dokumen yang digunakan oleh mereka dalam menentukan wilayah Camar Bulan dan Tanjung Bulan antara penyebab masalah. Mereka berbeza pandangan dalam memutuskan asas dan hujah yang harus disetujui bersama ke atas status kepemilikan Camar Bulan dan Tanjung Datu. Persoalan ini dapat dilihat melalui contoh petikan berita berikut:

1
... "Pemerintah akan memverifikasi data baru menyangkut perbatasan di Tanjung Datu dan Camar Bulan, Kalimantan Barat, yang ditemukan Komisi I DPR. Namun masih ada selisih pendapat mengenai hal itu. Pemerintah bersikeras menggunakan kesepakatan tahun 1978 dengan Malaysia sebagai referensi, sedangkan Komisi I meminta data di luar kesepakatan itu yang diverifikasi"... (Kompas.com, 9 Oktober 2011)

Ketiga ialah isu yang disebabkan oleh ketidakadilan dan kelalaian pemerintah Indonesia terhadap wilayah persempadanan. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pembedaan Kompas.com melihat faktor jurang kesejahteraan yang dialami oleh warga tempatan berbanding dengan daerah-daerah lainnya di Indonesia. Kawasan luar tersebut tidak diambil kira oleh pemerintah sehingga ia menjadi keterbelakang. Dalam laporannya, media atas talian ini mengemukakan isu-isu tiadanya infrastruktur, perkhidmatan pendidikan, kesihatan, sosial, perhubungan, dan sebagainya. Fakta tiadanya pemerhatian pemerintah kepada warga tempatan ini ditemukan pada contoh petikan berita berikut:

... "Saya kira persoalan infrastruktur lebih tepat dibicarakan di sana (wilayah perbatasan). Ibu-ibu di sana sampai ada yang bilang susah sekali hidup, bahkan sampai ada yang melahirkan di sampan"... (Kompas.com, 17 Oktober 2011)

Persoalan dalaman negara dan politik semasa adalah isu keempat yang menjadi punca masalah di persempadanan. Bagi pengkaji, banyaknya permasalahan yang dialami oleh pemerintah Indonesia berkesan ke atas pengambilan polisi-polisi dalaman negara. Salah satunya ialah kes politik semasa yang dibinakan oleh pihak-pihak tertentu demi mencapai kepentingannya. Mereka memanfaatkan momentum pertelingkahan Camar Bulan dan Tanjung Datu untuk meraih cita-citanya. Rancangan penubuhan provinsi baru di Kalimantan Barat ialah bukti siasatan yang dilakukan oleh pihak-pihak berkepentingan di antara ramainya persoalan dalaman negara Indonesia. Contoh kes perbalahan yang berlaku di Indonesia boleh ditemukan pada contoh berita berikut:

... "Dari aspek pemerintahan, wilayah, dan ekonomi serta berbagai persyaratan administrasi, Provinsi Kapuas Raya sudah layak untuk dibentuk. Namun dari sisi politik, itu yang masih mengganjal. Makanya saya katakan bahwa terhambatnya pembentukan Kapuas Raya karena sarat dengan kepentingan politik. Terlebih menjelang Pemilihan Gubernur yang akan dilangsungkan pada tahun 2012 mendatang, hal itu sangat jelas terasa," kata Agus"... (Kompas.com, 19 Oktober 2011)

Kelima adalah isu yang membangkitkan propaganda media dan pihak-pihak tertentu. Kajian ini mendapati bahawa punca masalah di persempadanan kedua-dua negara disebabkan oleh provokasi media dan kumpulan berkepentingan. Wacana-wacana liar secara sengaja dicetuskan bagi memanaskan keadaan di

tengah masyarakat. Mereka mengeruhkan keadaan dan menimbulkan polemik melalui laporan-laporan berita yang ditujukan kepada khalayak. Masalah ini dapat dilihat seperti dalam petikan berita berikut:

... "Dalam sejumlah media massa maupun online, TB Hasanuddin yang menggulirkan tentang Tanjung Datu dan Camar Bulan di Kabupaten Sambas, Kalimantan Barat telah dicaplok Malaysia dan berani beradu data-data dokumen. Tapi nyatanya, hingga kini tidak ada seberkas data-data maupun dokumen-dokumen yang dibebaskan TB Hasanuddin selembat pun. Semuanya hanya perguliran wacana-wacana" ... (Kompas.com, 11 Oktober 2011)

Punca masalah keenam disebabkan oleh pembinaan rambu suar Malaysia di perairan Indonesia. Hasil penyelidikan ini menunjukkan bahwa Kompas.com memandang kehadiran rambu suar baru Malaysia di dekat rambu suar Indonesia serta penggeseran aras sempadan di Tanjung Datu memancing kemarahan Indonesia. Pemerintah Indonesia bereaksi negatif dengan membongkar rambu suar yang baru dibina tersebut. Kes ini tergambar seperti dalam contoh petikan berita berikut:

... "Di wilayah Tanjung Datu, diduga kuat, Malaysia telah memindahkan aras perbatasan A/2 dan A/3 buatan pemerintah Belanda (asli). Pemerintah Malaysia pun dengan sengaja membangun dua mercusuar baru di samping mercusuar buatan pemerintah Belanda. Malaysia juga membuat aras baru dengan kode SRTP01 SWK sebagai aras A1 versi Malaysia" ... (Kompas.com, 8 Oktober 2011)

Ketujuh adalah isu kecerdikan strategi Malaysia dalam menangani wilayah persempadanan sebagai punca masalah. Pengkaji memandang pemerintah Malaysia sangat pandai menyusun siasat dalam mengurus kawasan-kawasan yang bersebelahan dengan negara luar. Polisi pemerintah Malaysia yang memberi perhatian kepada wilayah persempadanan merupakan sesebuah keupayaan bagi "menggoda" penduduk Indonesia untuk beralih kepadanya. Selain itu, pemerintah Malaysia juga mengetahui kelemahan Indonesia dalam menjalankan diplomasi dan perundingan di forum dunia antarabangsa. Pembuktian isu ini dicontohkan seperti dalam petikan berita berikut:

... "Malaysia punya akal cerdas dengan selalu mengeksplorasi daerah sengketa. Dengan dieksplorasi (secara diam-diam tanpa diketahui Indonesia), maka dunia seolah-olah melihat bahwa Malaysia lebih peduli sebuah wilayah. Ketika persengketaan dibawa ke Mahkamah Internasional, maka Malaysia akan dimenangkan karena dianggap lebih peduli terhadap suatu wilayah" ... (Kompas.com, 22 Mei 2014)

Sejarah hubungan Indonesia-Malaysia yang mengalami masa pasang-surut

1

ialah isu kelapan yang dibinakan sebagai punca masalah. *Kompas.com* melihat faktor masa lalu kedua-dua negara berkaitan dengan persoalan-persoalan yang muncul ke belakngan ini. Media atas talian ini seolah-olah mencuba untuk mengingatkan bahawa Indonesia-Malaysia mempunyai sejarah panjang sejak sebelum kemerdekaan sehingga kini. Kesejarahan tersebut berperanan dalam memainkan emosi rakyat kedua-dua negara terutamanya pada era Soekarno melalui slogan “Ganyang Malaysia”. Faktor masa silam tersebut boleh didapati dalam petikan berita berikut:

...”Bagi Indonesia wilayah Kalimantan merupakan bekas wilayah kerajaan Hindu Majapahit, sedangkan bagi negara Pilipina wilayah Kalimantan Utara merupakan bekas wilayah kerajaan Islam Sulu. Namun belakngan Indonesia dikuasai oleh rezim kolonial Belanda dan Malaysia (Semenanjung Malaysia-Kalimantan Utara, kini Sabah-Serawak-Brunei) dikuasai oleh Inggris. Dalam konteks ini Belanda-Inggris membagi Kalimantan melalui perjanjian yang ditandatangani tahun 1891, 1915, dan 1925. Karenanya Kalimantan Utara akhirnya menjadi wilayah Inggris yang kemudian menjadi Malaysia dan Brunei Darussalam dan Kalimantan wilayah kekuasaan Belanda yang selanjutnya sesuai KMB menjadi wilayah Indonesia”... (Kompas.com, 9 Oktober 2011)

Isu kesembilan yang menjadi penyebab masalah di persempadanan menyangkut ramainya kes sosial, budaya, mahupun tenaga kerja Indonesia (TKI) di Malaysia. Bagi pengkaji, kes-kes yang memujukn Indonesia mencetuskan tension hubungan dua negara berjiran ini. Apatah lagi Malaysia menganggap negaranya lebih maju berbanding Indonesia. Jika kes tersebut tidak diselesaikan dengan baik, maka persoalannya akan menjadi semakin serius. Banyaknya kes yang merendahkan martabat Indonesia di Malaysia boleh ditunjukkan dalam contoh petikan berita berikut:

...”Hubungan kedua negara sebenarnya baik-baik secara diplomatik, hanya terdapat beberapa cacat kecil yang kemudian menyudutkan Indonesia dan menempatkan Indonesia sebagai negara yang lebih sering dilecehkan. Banyak budaya kita yang diakui oleh Malaysia, adanya penghinaan terhadap TKI (TKI on sale) serta perlakuan sewenang-wenang, lepasnya Sipadan-Ligitan. Semuanya karena orang Malaysia merasa mereka lebih mampu, lebih kuat dan lebih tinggi dari Indonesia. Sirik, kira-kira istilah itu yang lebih tepat”... (Kompas.com, 4 Desember 2012)

Kemahiran diplomasi Indonesia yang masih lemah antara punca masalah di persempadanan. Hasil analisis kajian ini menemukan bahawa keterampilan pemerintah Indonesia dalam menjalankan perundingan belum baik. *Kompas.com* menilai Indonesia belum mampu meyakinkan Malaysia perihal kepemilikan sah

Camar Bulan dan Tanjung Datu sebagai bahagian daripada wilayah Indonesia. Kelemahan ini dapat dicontohkan seperti dalam petikan berita berikut:

... "Tanjung Datu itu sendiri disebutkan sebagai "daerah abu-abu" karena terus dibelit sengketa. Ini menunjukkan diplomasi Indonesia di kancah ASEAN saja sangat lemah, apalagi di dunia internasional"... (Kompas.com, 29 Mei 2014)

iii) Penilaian Moral

Pada bahagian penilaian moral ini, pengkaji menumpukan lima aspek penilaian moral iaitu menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia, penjagaan dan pengamanan tentera di persempadanan, nasionalisme, perlunya perhatian pemerintah terhadap persempadanan, dan verifikasi, notifikasi, ratifikasi. Pertama ialah isu tentang perlunya menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia sebagai penilaian moral. Media atas talian ini memandang sudah sejak lama pemerintah Indonesia dan Malaysia membina hubungan dua hala di pelbagai bidang. Apatah lagi rakyatnya terikat dalam satu rumpun yang sama iaitu Melayu. Penilaian moral dari segi hubungan ini boleh ditemukan dalam petikan berita berikut:

... "Memang ada persoalan yang belum selesai perihal perbatasan antara Malaysia dan Indonesia. Seyogyanya, kedua negara melanjutkan pembicaraan dengan jiwa besar dan berlapang dada agar menemukan jalan keluar yang baik. Jangan sampai hubungan sebagai negara jiran dan serumpun Melayu rosak"... (Kompas.com, 18 Oktober 2011)

Penjagaan dan pengamanan oleh tentera di kawasan persempadanan antara isu kedua daripada penilaian moral. Kompas.com melihat kehadiran tentera di persempadanan merupakan upaya untuk menjaga keselamatan warga tempatan dari tindakan jenayah mahupun pencerobohan wilayah. Pembinaan pos-pos mahupun menjalankan ronda bersama ialah langkah tepat bagi mencegah berlakunya pelanggaran di wilayah persempadanan tersebut. Fakta ini dapat dijumpai seperti dalam petikan berita berikut:

... "Kami minta TNI AL meningkatkan patroli di perairan Tanjung Datu guna mencegah masuknya kapal-kapal asing yang bermaksud mencuri ikan di perairan tersebut," kata Kepala Dusun Camar Bulan, Karta M"... (Kompas.com, 14 Oktober 2011)

Ketiga berkaitan dengan isu yang mencetuskan semangat kebangsaan. Pengkaji mendapati bahawa nasionalisme antara penilaian moral terhadap masalah persempadanan. Setiap warga negara memiliki jiwa dan rasa sayang kepada tanah air. Faham nasionalisme tersebut mencerminkan sikap yang sangat mendasar bagi pemerintah mahupun rakyat daripada sesebuah negara. Rasa nasionalisme yang mendalam itu terungkap seperti dalam petikan berita berikut:

... "Sebagai seorang gubernur, tak sejengkal tanah pun akan saya

1

serahkan kepada Pemerintah Malaysia. Tanah itu akan tetap saya pertahankan,” kata Gubernur Kalimantan Barat Cornelis di Pontianak, Kamis (29/9) lalu”... (Kompas.com, 8 Oktober 2011)

Perlunya perhatian pemerintah terhadap kawasan persempadanan ialah isu keempat bagi penilaian moral. Setakat ini, pemerintah Indonesia memang tidak memberikan perkhidmatan terhadap wilayah-wilayah yang luar. Keadaan yang tidak adil dan merata ini menciptakan jurang kesejahteraan antara daerah satu sama lainnya. Kebanyakan pembangunan lebih banyak dibinakan di bandar berbanding wilayah persempadanan. Kes tersebut dapat dilihat seperti pada contoh berita berikut:

...”Sengketa wilayah antara Indonesia dan negara tetangga seperti Malaysia seringkali terjadi akibat pemerintah tidak memberikan perhatian di daerah-daerah perbatasan. Tidak ada pembangunan di pulau-pulau terluar Indonesia”.. (Kompas.com, 21 Oktober 2011)

Kelima ialah isu tentang verifikasi, notifikasi, dan ratifikasi sebagai hal penting bagi penilaian moral. *Kompas.com* beranggapan memeriksa ulang dokumen dan membahasnya dengan pihak-pihak berkepentingan ialah bagian dari upaya untuk memperbaiki masalah persempadanan. Selepas verifikasi, diperlukan lagi notifikasi dan pengesahan demi keabsahan data-data yang digunakan. Langkah demikian dapat ditemukan seperti dalam petikan berita berikut:

...”Wilayah Indonesia di Kalimantan Barat yang berbatasan dengan Malaysia berkurang sebesar 1400 hektare di wilayah Camar Bulan dan 80.000 persegi di Tanjung Datu. Faiza mengatakan, pernyataan tersebut perlu diuji kebenarannya. “Perlu verifikasi terkait berita itu,” kata Staf Khusus Presidean Bidang Hubungan Internasional Teuku Faizasyah”... (Kompas.com, 9 Oktober 2011)

iv) Penyelesaian Masalah

Pada bahagian cadangan penyelesaian masalah, pengkaji mendapatkan tiga cadangan penyelesaian masalah iaitu perundingan, menguatkuasakan undang-undang dan penubuhan bersama bangsa-bangsa serta survei dan pengukuran ulang. Pertama adalah isu membawa kes persempadanan ini ke meja perundingan. Bagi *Kompas.com*, perundingan merupakan langkah tepat untuk menyelesaikan masalah Indonesia dan Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu. Perbincangan sengketa persempadanan dalam forum rasmi yang membabitkan delegasi kedua-dua negara sangat bermakna dalam menemukan akar umbi soalan sekali dengan solusinya. Upaya perundingan tersebut tertulis seperti dalam petikan berita berikut:

...”Juru Bicara Kementerian Luar Negeri Michael Tene mengatakan, masalah Camar Bulan saat ini masih dalam tahap perundingan”... (Kompas.com, 10 Oktober 2011)

Menguatkuasakan undang-undang dan konvensyen penubuhan bersama bangsa-bangsa (PBB) ialah salah satu cara untuk menamatkan sengketa sempadan di Kalimantan Barat dan Sarawak. Dapatan analisis kajian ini mendedahkan bahawa dengan berpandukan pada peraturan-peraturan yang diiktikraf lembaga rasmi antarabangsa, sama ada pemerintah Inbdonesia mahupun Malaysia akan menerima dan mematuhiinya berbanding saling berbalah tentang kepemilikan Camar Bulan dan Tanjung Datu. Model penyelesaian ini diambil kira dalam petikan berita berikut:

... "Pemerintah Indonesia dalam setiap perundingan perbatasan selalu mengedepankan kepentingan nasional dan berpedoman kepada Konvensyen Hukum Laut yang dibuat penubuhan bersama bangsa-bangsa (UNCLOS)"... (Kompas.com, 9 Oktober 2011)

Isu ketiga dalam menyelesaikan masalah persempadanan ialah menjalankan survei dan pengukuran ulang. Dalam pandangan *Kompas.com*, pemerintah kedua-dua negara boleh membabitkan tentera atau tim khusus sempadan guna menentukan kembali titik-titik yang bersengketa. Mereka boleh memulai persetujuan tentang status aras penanda sempadan, apakah ianya milik Indonesia ataupun Malaysia. Langkah tersebut boleh ditemukan seperti dalam petikan berita berikut:

... "Permasalahan perbatasan akan segera diselesaikan melalui pengukuran ulang"... (Kompas.com, 14 Oktober 2011)

PEMBINGKAIAN BERITA PERSEMPADANAN DI UTUSAN ONLINE

i) Pendefinisian masalah

Jadual 5

No	Definisi Masalah	F	%
1	Penafian pencerobohan wilayah	13	81
2	Penafian pergeseran aras batas	3	19
Jumlah		26	100

Mengikut Jadual 5, pengkaji mendapati secara keseluruhan trend kekerapan pbingkaiian pendefinisian masalah persempadanan *Utusan Online* memandang penafian pencerobohan sebagai masalah yang paling menonjol. Daripada 16 berita tentang pendefinisian masalah ini, sebanyak 81% atau 13 berita menyangkut penafian pencerobohan. Isu lainnya ialah penafian peggeseran aras penanda sempadan yang mencapai 19% atau 3 berita.

ii) Pentafsiran penyebab masalah

Jadual 6

No	Penyebab Masalah	F	%
1	Pejabat Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta diserang	10	30.3
2	Propaganda media dan pihak-pihak tertentu	12	36.3
3	Persoalan dalaman media dan politik semasa	4	12.1
4	Rasa iri dan sentimen terhadap Malaysia	3	9.1
5	Salah faham	4	12.1
	Jumlah	33	100

Mengikut Jadual 6 secara keseluruhan trend pembingkai penyebab masalah persempadanan meletakkan propaganda media (36.3% atau 12 berita) dan pihak-pihak tertentu serta pejabat embassi Malaysia di Jakarta diserang (30.3% atau 10 berita) dan seterusnya.

iii) Penilaian moral

Jadual 7

No	Penilaian Moral	F	%
1	Menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia	14	25
2	Nasionalisme	10	17.8
3	Penjagaan dan pengamanan tentera di persempadanan	17	30.3
4	Sejarah Indonesia-Malaysia	6	10.7
5	Kesefahaman data perjanjian	9	16
	Jumlah	56	100

Jadual 7 menunjukkan bahawa secara keseluruhan tren pembingkai penilaian moral masalah persempadanan didominasi oleh penjagaan dan pengamanan tentera di sempadan iaitu 30.3% (17 berita) diikuti oleh upaya menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia sebanyak 25% (14 berita) dan nasionalisme seramai 17.8% (10 berita).

iv) Penyelesaian masalah

Jadual 8

No	Penyelesaian Masalah	F	%
1	Perundingan	8	100

Jadual 8 menjukkan bahawa secara keseluruhan trend pembingkai penyelesaian masalah persempadanan menyangkut perundingan. Daripada 38 total berita yang disiarkan *Utusan Online*, sebanyak 21% (8 berita) yang

merekomendasikan jalur perundingan sebagai langkah tepat guna menyelesaikan persoalan persempadanan Indonesia-Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu.

ULASAN HASIL PEMBINGKAIAN BERITA PERSEMPADANAN DI *UTUSAN ONLINE*

Perbincangan pada bahagian ini melibatkan analisis kandungan kualitatif dan analisis pbingkaiian bagi menjawab objektif kajian tentang bentuk pbingkaiian persempadanan dalam *Utusan Online*. Pengkaji menggunakan pbingkaiian model Entman yang berteraskan kepada empat kategori pbingkaiian iaitu i) pendefinisian masalah persempadanan, ii) penyebab masalah persempadanan, iii) penilaian moral masalah persempadanan, iv) penyelesaian masalah persempadanan.

i) Pendefinisian Masalah

Pada bahagian pendefinisian masalah ini, pengkaji mendapati dua permasalahan iaitu penafian pencerobohan wilayah dan penafian penggeseran aras penanda sempadan. Pada aspek pertama, pengkaji mendapati *Utusan Online* memandangi tiada masalah wilayah di Camar Bulan dan Tanjung Datu. Pemerintah Malaysia tidak pernah menceroboh wilayah Indonesia di persempadanan Kalimantan Barat dan Sarawak. Bantahan ini dapat dilihat dalam contoh petikan berita berikut:

... "Kita sudah menyemak dengan Kementerian Luar berhubung kejadian tersebut dan terbukti apa yang dituduh oleh kumpulan itu adalah salah" ... (Utusan Online, 14 Oktober 2011)

Penafian penggeseran aras penanda sempadan ialah isu kedua daripada definisi masalah. Dapatan analisis kajian ini menunjukkan bahawa tidak ada aras penanda sempadan yang berpindah posisi dari wilayah Indonesia ke wilayah Malaysia. Warga Malaysia yang bermastautin lama tidak pernah menyentuh benda. Yang wujud di lapangan ialah aras penanda sempadan tersebut telah rosak. Penafian perkara ini terungkap dalam contoh petikan berita berikut:

... "Hasil tinjauan itu cukup menarik tanda sempadan di titik 104 di Camar Bulan, Desa Temajuk di situ, tidak pernah beralih tempat sejak penentuan garis sempadan dipersetujui kedua-dua negara pada 1928. Ia diperakui sendiri oleh Ketua Desa Temajuk, Mulyadi Kidang" ... (Utusan Online, 15 Oktober 2011)

ii) Pentafsiran Penyebab Masalah

Pada bahagian pentafsiran penyebab masalah ini, tumpuan perbincangan analisis kajian ini merangkumi lima faktor iaitu pejabat kedutaan Malaysia di Jakarta diserang, propaganda media dan pihak-pihak tertentu, persoalan dalaman negara dan politik semasa, rasa iri dan sentimen, faktor salah faham. Pertama berkaitan dengan penyerangan oleh kumpulan tertentu ke atas pejabat kedutaan Malaysia

1

di Jakarta. Pengkaji mendapati bahawa *Utusan Online* memandangkan tindakan keganasan yang berlaku di pejabat rasmi tersebut sebagai punca masalah. Kes tersebut mengeruhkan keadaan kerana mengandungi provokasi. Fakta keganasan petunjuk perasaan itu dibuktikan melalui petikan berita berikut:

"...Pelbagai penghinaan dan cacian dilemparkan dalam aksi tunjuk perasaan yang berlangsung selama satu jam setengah itu. Mereka turut membawa pelbagai sepanduk yang mengecam Malaysia dengan tulisan berbau provokasi"... (Utusan Online, 14 Oktober 2011)

Propaganda media dan pihak-pihak tertentu merupakan isu penting bagi penyebab masalah di persempadanan. Media atas talian ini menunjukkan adanya pihak-pihak berkepentingan yang ingin mengganggu hubungan baik Indonesia dan Malaysia. Mereka memperolehi hasutan dari media yang memanaskan keadaan di kedua-dua negara. Upaya propaganda media dan campur tangan pihak ketiga tersebut tertuang pada petikan berita berikut:

"...Dalam pada itu, yang kurang senang dengan hubungan luar biasa ini tentunya emosi mereka dijantik dengan provokasi pihak ketiga"... (Utusan Online, 15 Oktober 2011)

Ketiga ialah isu persoalan dalaman negara dan politik semasa Indonesia sebagai penyebab masalah. Siasatan ahli parlimen disertai banyaknya persoalan dalam negara berimpak kepada polisi-polisi pemerintah. Permasalahan ini dapat dijumpai dalam petikan berita berikut:

"...Indonesia sekarang ini sedang hangat dengan kempen pilihan raya presiden, jadi tempasnya mungkin terpercik sehingga isu kedaulatan perairan secara tiba-tiba muncul tetapi saya percaya kedua-dua negara cukup matang menanganinya"... (Utusan Online, 26 May 2014)

Keempat berkaitan dengan adanya perasaan tidak senang rakyat Indonesia terhadap Malaysia sebagai punca masalah. Dalam laporannya, *Utusan Online* mendedahkan bahawa rakyat Indonesia terprovokasi oleh pihak ketiga tentang rasa cemburu ke atas Malaysia. Mereka berasa sentimen kerana Malaysia sekarang ini lebih maju berbanding Indonesia. Perkara ini diambilkira dalam petikan berita berikut:

"...Dalam pada itu, yang kurang senang dengan hubungan luar biasa ini tentunya emosi mereka dijantik dengan provokasi pihak ketiga. Entah apa yang mencetuskan rasa cemburu yang tidak berkesudahan itu"... (Utusan Online, 15 Oktober 2011)

Kelima melibatkan isu komunikasi yang menyebabkan berlakunya salah faham. Pengkaji mendapati bahawa penyebab masalah di persempadanan ialah komunikasi yang tidak terjalin dengan baik. Asas salah faham antara kedua-

duanya tergambar dalam contoh petikan berita berikut:

... "Masalah komunikasi antara kedua-dua negara merupakan punca mengapa timbulnya konflik. Rumusan itu antaranya menyatakan komunikasi yang tidak lancar akan mengakibatkan hubungan tidak harmoni"... (Utusan Online, 19 Oktober 2011)

iii) Penilaian Moral

Pada bahagian penilaian moral ini, pengkaji menumpukan lima aspek penilaian moral iaitu menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia, nasionalisme, penjagaan dan pengamanan tentera di persempadanan, sejarah Indonesia dan Malaysia, kesefahaman data perjanjian dan kesepakatan. Menjaga hubungan baik Indonesia-Malaysia di persempadanan ialah isu pertama tentang penilaian moral. *Utusan Online* memandang sudah sejak lama Indonesia dan Malaysia membina hubungan baik, sama ada pemerintah mahupun warganya. Sebelum kedua-duanya hadir dalam wujud negara, rakyatnya sudah menjalin hubungan harmoni. Penilaian moral seperti ini tertulis dalam petikan berita berikut:

... "Malaysia menghormati hubungan dua hala antara kedua-dua negara yang sudah terjalin sejak sekian lamanya secara rasmi"... (Utusan Online, 14 Oktober 2011)

Kedua iaitu isu yang membangkitkan faham kebangsaan sebagai penilaian moral. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa media atas talian ini berteraskan kepada nasionalisme dalam melaporkan peristiwa yang melmbabitkan Malaysia. Nasionalisme tersebut ialah wujud rasa cinta kepada tanah air yang terbebas dari segala ancaman daripada negara lain. Pentingnya nilai nasionalisme ini dibuktikan dalam petikan berita berikut:

... "Sebagai negara berdaulat yang maruahnya harus dipertahankan, pemimpin pembangkang Indonesia perlu segera menghentikan tuduhan liar terhadap negara ini"... (Utusan Online, 14 Oktober 2011)

Wujud penilaian moral lainnya ialah isu penjagaan dan pengamanan oleh tentera di wilayah persempadanan. Bagi *Utusan Online*, keupayaan pemerintah dalam menghadirkan tentera di kawasan sengketa sangat bermanfaat bagi warga tempatan. Pembinaan pos dan aktiviti ronda bersama antara pihak Indonesia mahupun Malaysia ialah langkah bagi mencegah berlakunya pelanggaran di persempadanan. Hal ini dapat dicontohkan seperti dalam petikan berita berikut:

... "Sempadan negara antara Sabah dan Sarawak dengan Indonesia bebas daripada ancaman anasir luar yang boleh menggugat keselamatan"... (Utusan Online, 16 Januari 2014)

Keempat berkaitan dengan sejarah Indonesia-Malaysia. Dari perspektif penilaian moral, hasil analisis kajian ini menunjukkan bahawa faktor masa silam Indonesia-Malaysia boleh mengurangi tensi persoalan di persempadanan. Kedua-

1

dua negara dikenal bersahabat dan bersaudara kerana mempunyai perjalanan sejarah masa silam. Rapatnya hubungan dua bangsa ini boleh dibuktikan dalam petikan berita berikut:

... "Selama berdekad-dekad kemesraan dan keakraban dua sahabat terjalin. Tentunya amat rugi jika nilai persahabatan yang murni itu dicemari dengan insidean demonstrasi serta tuduhan palsu"... (Utusan Online, 15 Oktober 2011)

Penilaian moral terakhir merujuk kepada isu kesefahaman data perjanjian yang dipakai. Pengkaji mendapati bahawa data yang sefaham tidak mencetuskan sengketa. Justeru ia akan membuat garis persempadanan menjadi jelas, yang mana wilayah Indonesia dan yang mana pula kawasan Malaysia. Fakta ini dapat dilihat seperti dalam petikan berita berikut:

"...Para anggota TNI mengawal wilayah perbatasan di Kalimantan Barat sesuai dengan perjanjian Indonesia-Malaysia dan kesemua pos penjagaan di perbatasan dilengkapi data koordinat untuk setiap pananda sempadan"... (Utusan Online, 14 Oktober 2011)

iv) Penyelesaian Masalah

Pada bahagian cadangan penyelesaian masalah, pengkaji mendapati bahawa perundingan ialah langkah terpenting bagi dua negara yang bersengketa. Media atas talian ini menumpukan erti penting pertemuan rasmi yang menghadirkan delegasi Indonesia dan Malaysia. Penyelesaian masalah melalui perundingan itu terungkap dalam petikan berita berikut:

... "Dalam konteks ini, kita sedia maklum kalau ada sekalipun perselisihan pendapat, bukankah lebih manis salah faham itu diselesaikan secara diplomasi di meja rundingan?"... (Utusan Online, 15 Oktober 2011)

PERBINCANGAN

Pada kajian ini didapati sama ada *Kompas.com* mahupun *Utusan Online* mempunyai isu saling bertentangan. Pada segi pendefinisian masalah, pengkaji mendapati kedua-dua media talian ini tidak sehaluan. *Kompas.com* dan *Utusan Online* saling berlawanan dalam menonjolkan pokok fikiran. *Kompas.com* menyatakan adanya pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan, manakala *Utusan Online* menafikan pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan. Sejak berita ini meletup pada 2011, *Kompas.com* memilih kata-kata menceroboh dan menggeser aras penanda sempadan sebagai tumpuan isu, manakala *Utusan Online* menafikan pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan. Perbezaan itu boleh dipercayai disebabkan oleh latar belakang kepemilikan media. *Kompas.com* milik syarikat swasta manakala *Utusan Online* milik pemerintah. Status

kepemilikan tersebut membawa impak kepada binaan berita yang dilaporkan. Dari segi sejarah penubuhan, *Kompas.com* bermula sebagai media perjuangan dan pembangunan, tetapi kini ia mengarah kepada bisnes. Manakala *Utusan Online* sejak dulu sehingga kini tetap di jalur perjuangan yang tunduk kepada pemerintah. Oleh itu, dalam konteks sengketa persempadanan di Camar Bulan dan Tanjung Datu, *Kompas.com* tanpa tekanan pemerintah menganggap kes tersebut sebagai bentuk pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan. Manakala *Utusan Online* membela pemerintah dengan mengambil berat isu tiada aksi pencerobohan wilayah mahupun penggeseran aras penanda sempadan.

Berkenaan punca masalah, *Kompas.com* memandangnya dari pelbagai perspektif. Dari segi pemerintah, ia menilai pemerintah Indonesia memiliki kelemahan kerana tidak memberi pemerhatian baik kepada warga tempatan. Polisi pemerintah mengabaikan kepentingan hidup warga tempatan. Mereka dibiarkan hidup terhad tanpa perkhidmatan pendidikan, ekonomi, sosial, kesihatan, dan infrastruktur. Akibatnya, warga tempatan menemui kesulitan dalam menjalankan aktivitinya. Selanjutnya, diplomat Indonesia masih kurang mahir dalam berunding di forum antarabangsa. Mereka belum mampu meyakinkan pihak luar negara melalui argumen dan hujah yang fasih.

Dari perspektif sejarah, punca masalah ini disebabkan oleh pengalaman Indonesia bersengketa wilayah dengan Malaysia. Kedua-duanya pernah bergaduh soal Pulau Sipadan-Ligitan. Kes ini tak pernah selesai dan dibawa ke pengadilan antarabangsa pada 2002. Keputusannya Indonesia kalah dan Pulau Sipadan-Ligitan akhirnya menjadi milik rasmi Malaysia. Kekalahan ini membuat pemerintah Indonesia trauma dan kuatir kes Pulau Sipadan-Ligitan akan terulang kembali pada Camar Bulan dan Tanjung Datu. Berikutnya, Indonesia dan Malaysia punya sejarah sebagai negara serumpun yang memiliki persamaan dari segi agama, bahasa, budaya. Hubungannya mengalami proses naik-turun. Hubungan dua hala negara di bidang industrial, perdagangan, pertanian, perkebunan, pariwisata, kebudayaan antara contoh rapatnya perkongsian Indonesia dan Malaysia. Masa konfrontasi pada dekad 1960-an antara contoh tegangnya hubungan Indonesia-Malaysia. Keadaan ini membuat Indonesia berhati-hati dalam menangani masalah persempadanan.

Manakala *Utusan Online* melihat punca masalah disebabkan oleh kesalahfahaman. Ia menganggap tidak ada pelanggaran Malaysia dalam sengketa persempadanan. Kegaduhan yang dicituskan di media hanya salah faham yang biasa berlaku di dunia sesawang. Realitinya, warga tempatan di persempadanan hidup aman dan damai. Ketenangan mereka antara bukti tidak ada yang mesti dipersoalkan oleh kedua-dua negara. Punca masalah lainnya ialah perasaan cemburu warga Indonesia ke atas Malaysia. Warga Indonesia sentimen dengan kemajuan Malaysia di pelbagai bidang. Warga jiran hidup sejahtera dan berjaya mencapai kegemilangannya. Manakala warga Indonesia masih hidup dalam kesusahan. Warga Indonesia sentimen ke atas Malaysia kerana meskipun

1

serumpun, peringkat kehidupannya berbeza. Selanjutnya, aksi tunjuk perasaan warga Indonesia kepada pejabat embassi Malaysia di Jakarta turut memperkeruh keadaan. Kumpulan NGO telah menambahi ketegangan kedua-dua negara. Apalagi sehingga kini banyak kes yang berlaku di Malaysia. Kes budaya antara punca masalah lainnya. Isu kononnya banyak TKI didera oleh majikannya. TKI tidak mendapatkan gaji yang layak. Kesemuanya itu antara punca masalah yang membuat keadaan menjadi lebih tegang.

Kompas.com dan *Utusan Online* juga mempunyai persamaan dalam memandang punca masalah persempadanan. Kedua-duanya menilai propaganda media dan pihak-pihak tertentu sebagai sumber kegaduhan. Mereka menjalankan aksi propaganda bagi memanasakan hubungan Indonesia dan Malaysia. Mereka menyiarkan berita-berita yang mengandungi rasa marah, benci, dendam kepada Malaysia. Pihak-pihak tertentu menyusupi media bagi memujukkan dan menjatuhkan maruah Malaysia melalui hinaan dan cacian. Selain itu, persoalan dalaman negara dan politik semasa. *Kompas.com* memandang isu ini sengaja dicetuskan bagi kepentingan ahli parlimen Indonesia. Pada masa itu, pihak-pihak tertentu ingin menubuhkan provinsi baru di Kalimantan Barat. *Utusan Online* juga menilai bahawa isu ini ditiupkan oleh ahli parlimen Indonesia bagi kepentingan peribadi dan partinya. Ianya disebut sedang berhalusinasi kerana ingin merosak hubungan Indonesia dan Malaysia yang sudah terjalin rapat.

Selain itu, kehadiran rambu suar di Tanjung Datu bagi *Kompas.com* juga sebagai penyebab soalan. Pemerintah Malaysia dianggap melanggar persempadanan kerana telah membina rambu suar di perairan Indonesia. Selanjutnya, perbezaan data perjanjian yang dipakai sebagai punca masalah. Bagi *Kompas.com*, MOU 1976 dan 1978 bukan data akhir bagi kedua-dua negara dalam menentukan status Camar Bulan dan Tanjung Datu. *Kompas.com* mendedahkan perlunya merujuk kepada dokumen Traktaat London, peta Belanda Van Doorn 1906, peta Sambas Borneo, dan peta Federated Malay State Survey 1935. Manakala *Utusan Online* bersandarkan pada MOU 1976 dan 1978. Kemudian *Kompas.com* juga menilai kecerdikan strategi Malaysia mengurus kawasan persempadanan sebagai penyebab masalah lainnya. Pemerintah Malaysia berhasil membina imej sebagai negara yang perduli kepada kawasan persempadanan dengan membina aktiviti ekonomi di Camar Bulan. Mereka membuka mata antar bangsa sebagai negara yang bertanggung jawab kelangsungan hidup atas suatu kawasan di wilayahnya.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa secara moral kedua-dua media talian ini mempunyai tiga persamaan perspektif iaitu nasionalisme, menjaga hubungan baik, serta menjaga keamanan persempadanan oleh tentera. Sama ada *Kompas.com* mahupun *Utusan Online* membela negara sebagai bukti rasa saya cinta kepada negara. *Kompas.com* memandang Camar Bulan dan Tanjung Datu sebagai teritori Indonesia. Sesiapa saja yang mengambil paksa wilayah tersebut, maka akan menjadi musuh bagi negara. Bagi *Kompas.com*, Camar Bulan dan Tanjung Datu bukan persoalan kultural tetapi garis demarkasi yang mencetuskan kewujudan suatu negara. Kalimantan tak lagi sebagai

Tanah Melayu melainkan tanah Indonesia. Oleh itu, Malaysia sebagai pihak yang kononnya mencero bohi wilayah Indonesia mencetuskan reaksi daripada *Kompas.com*. Reaksi spontan itulah dikenali sebagai nasionalisme. Manakala *Utusan Online* menganggap Kalimantan sebagai Tanah Melayu yang tak boleh dipisahkan dari kemelayuan. Meskipun garis demarkasi wujud di sana, tetapi bagi *Utusan Online* memandangnya masih bahagian daripada Tanah Melayu. Secara kultural wilayah sempadan itu masih bahagian daripada Tanah Melayu. Oleh itu, *Utusan Online* menafikan pencerobohan wilayah dan penggeseran aras penanda sempadan. *Utusan Online* tak pernah juga menyinggung adanya aksi mencero boh wilayah mahupun menggeser aras penanda sempadan.

Dasar pemikiran sama ada *Kompas.com* mahupun *Utusan Online* ke atas Camar Bulan dan Tanjung Datu sememangnya nasionalisme. Polisi kedua-dua media talian itu berteraskan wujud cinta kepada negara dan sama-sama membela tanah airnya. Hal ini selari dengan perkataan pimpinan *Utusan Online* Datuk Zaini Hasan tentang kesejarahan Indonesia dan Malaysia sebagai bangsa serumpun. Beliau mengatakan hubungan kedua-dua negara amat penting kerana memiliki banyak persamaan, sama ada budaya, bahasa maupun perkara-perkara lainnya. Indonesia dan Malaysia tak boleh dipisahkan kerana pada masa lampau berlaku penghijrahan tidak rasmi. Banyak orang Indonesia bertransmigrasi ke Malaysia. Ada dari Sumatera, Minangkabau, Jawa, Bugis dan sebagainya. Perdana Menteri Malaysia bahkan mengaku berdarah Bugis. Jadi Malaysia dan Indonesia itu serumpun. Sebagai editor, keinginannya adalah hubungan Melayu itu bersatu erat. Tidak ada lagi bangsa Melayu selain Malaysia dan Indonesia. Indonesia mempunyai penduduk 250 juta jiwa, Malaysia juga mempunya kekuatan sikit. "Tidak ada sesiapa lagi selain daripada kita". Pimpinan *Kompas.com* Tri Wahono juga mengatakan nasionalisme sulit dihindari dalam menyusun berita. Wartawannya memiliki nasionalisme dalam membina berita terkait Indonesia.

Pandangan Datuk Zaini Hassan dan Tri Wahono selari dengan Musa Hitam (2011) yang memperkatakan bahawa semua harus menerima hakekat kesejarahan Indonesia dan Malaysia iaitu asal usul sama dari wilayah Melayu dari segi Majapahit, Sriwijaya, dan terus ke zaman moden apabila Indonesia dan Malaysia dijajah sampai sekarang. Ismeth Abdullah (2011) turut memperkatakan bahawa hubungan Indonesia dan Malaysia ialah hubungan yang telah terjalin sejak dahulu ketika wilayah kedua-dua negara dalam satu konteks pemahaman nusantara yang dikenal dengan konsep alam Melayu. Zuhdi (2011) juga mengemukakan hubungan Indonesia dan Malaysia tidak dapat dielakkan. Hubungan antar bangsa dan negara kedua-duanya diasaskan dan dihubungkan secara rapat oleh sejarah yang sama khususnya pada bahagian barat wilayah kepulauan. Kecerumpunan Melayu yang kerap digaungkan sememangnya tak merangkumi keseluruhan wilayah Indonesia. Terdapat dua konsep mengenai Melayu iaitu sebutan untuk sekumpulan sosial yang tersebar di pelbagai wilayah Indonesia dan Asia Tenggara. Kedua, keseluruhan orang Melayu di Indonesia merupakan satu suku bangsa Melayu.

1

Soal menjaga hubungan baik Indonesia dan Malaysia, kedua-duanya menceritakan hujah adanya hubungan harmoni yang telah terbina antara Indonesia dan Malaysia. Sejak masa sebelum kemerdekaan, hubungan harmoni sudah terjalin rapat. Pemerintah sentiasa berkongsi di pelbagai bidang terutamanya di tenaga kerja, pendidikan, budaya, dan sebagainya. Manakala nasionalisme, *Kompas.com* mahupun *Utusan Online* berpandangan kes di persempadanan mesti diselesaikan dengan baik kerana ianya akan menjadi soalan serius kalau dihasut oleh pihak tak bertanggung jawab. Ia akan menyentuh isu sensitif iaitu nasionalisme warga negara. Masing-masing warga negara memiliki nasionalisme yang sangat baik sehingga mesti dipadamkan. Begitu juga menjaga dan mengamankan keselamatan di persempadanan oleh tentera. Hujahnya keberadaan TNI dan TDM yang berkongsi di persempadanan memberi simbol keharmonian kedua-dua negara. Rakyat akan melihat bahawa kerjasama TNI dan TDM sebagai bukti tiada soalan Indonesia dan Malaysia di persempadanan.

Selain itu, pada penilaian moral ini *Kompas.com* memandang perlunya perhatian pemerintah Indonesia terhadap persempadanan. Selama ini pemerintah tidak memperhatikan keperluan pokok masyarakat persempadanan. Perkhidmatan penting seperti sekolah, rumah sakit, elektrik, air bersih, jalan dan jambatan tidak dibangun sehingga persempadanan semakin terisolasi. Persempadanan susah diakses dan menjadi daerah terbelakang di Indonesia. Kalau masyarakat punya keperluan kesihatan, mereka lebih memilih menyeberang ke Malaysia berbanding ke Paloh atau Sambas. Verifikasi, ratifikasi, dan notifikasi juga tidak dijalankan pemerintah dalam membahas penanda sempadan. Pemerintah cenderung menerima apa adanya sehingga pemerintah baru akan sibuk kalau meletup ke di persempadanan.

Utusan Online memandang sejarah Indonesia dan Malaysia serta kesefahaman data perjanjian yang dipakai antara penilaian moral. Hubungan Indonesia dan Malaysia sudah terbina sejak masa lampau sebelum kedua-dua negara mencapai kemerdekaan. Hubungan sosial budaya telah terjalin beratus-ratus tahun lamanya. Bahkan sebagian rakyat Malaysia ialah berketurunan Indonesia. Sebagian rakyat Malaysia mengakui leluhurnya berasal dari seberang iaitu Indonesia. Faktor kesejarahan antara hal penting yang mesti dipertimbangkan oleh kedua-dua negara ketika bertikai. Begitu juga kesefahaman data perjanjian yang dipakai. Perundingan-perundingan yang sudah dibuat oleh utusan pemerintah kedua-dua negara ialah mengandungi kesepakatan-kesepakatan. Hasil kesepakatan itulah yang menjadi data rujukan di dalam memandang kes persempadanan. Kesefahaman ini amat diperlukan sehingga tidak menimbulkan bias dan multi tafsir.

KESIMPULAN

Kompas.com dan *Utusan Online* mempunyai persamaan dan perbezaan dalam membingkai kes berita Camar Bulan dan Tanjung Datu. Di sebalik persamaan dan perbezaan itu, nasionalisme memiliki peranan penting. Dalam menjalankan

1

Jurnal Komunikasi
Malaysian Journal of Communication
Jilid 31(2) 2015: 341-370

1

pembinaan bingkai, nasionalisme wartawan dan organisasi media sentiasa menyertai tugas kewartawanan. Nasionalisme sukar dielakkan dalam menyusun dan menyiarkan berita. Oleh itu, nasionalisme memberi kesan ke atas pembinaan berita persempadanan antara Indonesia dan Malaysia di Camar Bulan dan Tanjung Datu.

BIODATA PENULIS

Ruslan Ramli ialah pelajar program doktor falsafah pada Pusat Pengajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM.

Chang Peng Kee ialah Prof Madya di Pusat Pengajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM.

Shahrul Nazmi Sannusi ialah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media & Komunikasi, FSSK, UKM.

RUJUKAN

- Adri. (2011). Kontestasi Politik Identitas dalam Fenomena Illegal Logging di Perbatasan Indonesia-Malaysia. *Journal Communication Spectrum, Vol. 1 No. 1.*
- Amri, D., & Hamedi, M. A. (2012). Bingkai Malaysia dalam Pemberitaan Televisyen di Indonesia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia. Vol. 14 No. 2.*
- Arifin, S. (2009). Pelaksanaan Asas Utu Possidetis Dalam Penentuan Titik Aras Perbatasan Darat Indonesia dengan Malaysia. *Jurnal Hukum No. 2: 183-204.*
- Chong, D. & Druckman, N. J. (2007). Framing Theory, *Annu. Rev. Polit.* 10:103-26.
- D'Angelo, P., & Kuypers, A. J. (2010). *Doing News Framing Analysis, A Empirical and Theoretical Perspectives*, New York: Routledge.
- Demertzis, N., Papathanassopoulos S., & Armenakis A. (1999). Media and Nationalism. *Press/Politics 4(3):26-50.*
- Dimitrova, D.V., Kaid, L.L., Williams A. P., & Trammell, K. D. (2005). War on The Web The Immediate News Framing of Gulf War II. *Press/Politics 10(1):22-44.*
- Edelman, M. (1993). Contestable categories and public opinion. *Political Communication 10 (3): 231-242.*
- Entman, R. M. (1993). Framing: Toward Clarification of a Fractured Paradigm. *Journal of Communication 43 (4): 51-58.*
- Eriyanto. (2002). *Analisis Framing, Konstruksi, Ideologi, dan Politik Media*, Yogyakarta: LKIS.
- Faridah, I., Dil, F.J.S., H.S. Norzita Y, Chang, P.K., & Normah, M. (2014). News on Foreign War versus Local 'War': Perception of Malaysian Audience. *Procedia - Social and Behavioral Sciences 155 (2014) 533 – 538.*
- Galtung, J., & Ruge, M. Holmboe. (1965). The Structure of Foreign News. *Journal of Peace Research, 2:64-91.*
- Gamson, W. A. (1996). Media Discourse and public opinion on nuclear power: a constructionist approach, *American Journal of Sociology, 95, 1-37.*
- Goffman, E. (1974). *Frame Analysis: An Essay on the Organization of Experience*. Boston: Northeastern University Press.
- Gustia, A.Y. (2009). Konstruksi Pemberitaan Konflik Israel-Palestin Dalam Media Cetak: Analisis Framing ke Atas Majalah Islam *Sabili* dan *Tempo*.
- Ido, P. H. (2009). Perkembangan Teknologi Komunikasi Dalam Era Jurnalistik Modern. *Jurnal Ilmiah SCRIPTURA, Vol. 3, No. 1, Januari 2009: 69 – 84.*
- Iyengar, S. (2007). Framing Responsibility for Political Issues: The Case of Poverty. *Political Behavior, Vol. 12, No. 1: 19-40.*
- Jeniri, A. (2007). *Akhbar Politik Politik Akhbar*, Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Keeble. (2005). *Print Journalism: A Critical Introduction*. Canada. Rutledge.

- Lucian & Szabo, V. (2014). The Future of Communication: from New Media to Postmedia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 163 (2014) 36 – 43.
- Mahpuddin. (2009). Ideologi Media Massa dan Pengembangan Civil Society. *Academica Vol 1, No 2 (2009)*
- McQuail, D. (2010). *Mass Communication Theory: An Introduction*, London: SAGE Publication.
- Musa Hitam. (2011). Indonesia-Malaysia Lihat Back Ground Sejarah. Dalam Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Indonesia-Malaysia. Jakarta: INSED dan EPG Indonesia bekerja sama dengan MSI dan PSM.
- Pan, Z. P., & Kosicki, G. M. (1993). Framing Analysis: An Approach to News Discourse, *Political Communication*, Vol. 10. Pp 55-75.
- Reese, S. D. (1990). The News Paradigm and The Ideology of Objectivity: A Socialist at The Wall Street Journal. *Critical Studies in Mass Communication*7: 390-409.
- Safar, H., M. 1996. *Akhbar dan Kuasa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Scheufele, D. A., & Tewksbury, D. (1999). Framing as Theory of Media Effect, *Journal of Communication*, 49 (1) 103-122.
- Semetko, H. A., & Valkenburg, P. M. (2000). Framing European politics: A content analysis of press and television news. *Journal of Communication*, 50(2): 93-109.
- Sitompul, P. (2010). Kecenderungan Pemberitaan Media Cetak dan Tanggapan dari Berbagai Kalangan Tentang Klaim Malaysia Atas Pulau-Pulau Terluar dan Seni Budaya Indonesia, *JPKP* Vol. 11. No. 1: 32-58.
- Tuchman, G. (1978). *Making News: A Study in the Construction of Reality*, New York: Free Press.
- Vreese, C. H. de. (2005). *News Framing: Theory and Typology*, 13 (1). 51-62.
- Wuryandari, G., Pamungkas, C. Noor., & F. Hadiwinata, S. B. (2009). *Keamanan Di Perbatasan Indonesia-Timor Leste, Sumber Ancaman dan Kebijakan Pengelolaannya*, Yogyakarta: Pustaka Belajar.
- Zakiah, K. (2012). Pencitraan Indonesia di Media Massa Malaysia. *Jurnal Ilmu Komunikasi, Vol.2. No.1.*
- Zuhdi, S. (2011). Perspektif Melayu-Nusantara dalam Dialog Kesejarahan Malaysia Indonesia. Dalam Membangkitkan Memori Kolektif Kesejarahan Indonesia-Malaysia. Jakarta: INSED dan EPG Indonesia bekerja sama dengan MSI dan PSM.

PEMBINGKAIAN BERITA PERSEMPADANAN CAMAR BULAN DAN TANJUNG DATU, KALIMANTAN BARAT

ORIGINALITY REPORT

92%

SIMILARITY INDEX

92%

INTERNET SOURCES

0%

PUBLICATIONS

0%

STUDENT PAPERS

PRIMARY SOURCES

1

www.myjournal.my

Internet Source

92%

Exclude quotes On

Exclude bibliography On

Exclude matches Off